



GARIS PANDUAN PENGENAAN FI KELESTARIAN NEGERI SELANGOR

(PIHAK BERKUASA TEMPATAN)

(Kemaskini Pada 24 Jun 2026)

PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

KANDUNGAN

GARIS PANDUAN PENGENAAN FI KELESTARIAN NEGERI SELANGOR (PIHAK BERKUASA TEMPATAN)

1.	TUJUAN	1
2.	LATAR BELAKANG	2
3.	OBJEKTIF	3
4.	KONSEP DAN PRINSIP	4
5.	PUNCA KUASA	5
6.	KAEDAH PENGENAAN FI KELESTARIAN	6
7.	PENUTUP	20
8.	TARIKH KUAT KUASA	20
9.	INDEKS	21
10.	LAMPIRAN	21

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan Pengenaan Fi Kelestarian Negeri Selangor (PBT) disediakan bertujuan sebagai asas panduan serta rujukan bagi pematuhan kepada semua premis penginapan yang terlibat dengan pengenaan Fi Kelestarian tersebut.
- 1.2 Garis panduan ini juga bertujuan menyediakan panduan kepada semua pihak berkepentingan/ pemegang taruh (*stakeholders*) bagi pengenaan Fi Kelestarian di Negeri Selangor secara teratur, seragam, bersepadu, menyeluruh dan holistik selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 25/2025 pada 15 Ogos 2025 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 26/2025 pada 3 September 2025 telah bersetuju supaya Garis Panduan Pengenaan Fi Kelestarian Negeri Selangor diwujudkan sebagai instrumen pelaksanaan.
- 1.3 Garis panduan ini juga selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 37/2025 pada 10 Disember 2025 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 38/2025 pada 19 Disember 2025 telah bersetuju bagi pindaan keputusan MMKN ke 25/2025 seperti pindaan kategori premis penginapan, pindaan tarikh mendepositkan kutipan Fi Kelestarian, pindaan caj lewat dan lain-lain.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Negeri Selangor muncul sebagai negeri paling ramai dikunjungi oleh pelawat domestik pada tahun 2024 iaitu sebanyak 34.5 juta orang, diikuti dengan Kuala Lumpur dan Perak masing-masing sebanyak 27.0 juta dan 21.8 juta pelawat domestik. Ini menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu sebanyak 25 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu 27.6 juta pelawat domestik. Seiring dengan pertumbuhan jumlah pelawat, perbelanjaan pelancongan (*tourism receipt*) bagi tahun 2024 turut menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan iaitu mencecah sebanyak RM107.2 bilion, dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 26.3 peratus.
- 2.2 Berdasarkan Laporan Survei Pelancongan Malaysia Tahun 2024 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Negeri Selangor telah menerima seramai 7.72 juta pelancong dari dalam dan luar negara. Manakala, daerah Petaling pula telah dicatatkan sebagai daerah yang paling banyak dilawati oleh pelancong iaitu seramai 4.4 juta orang.
- 2.3 Pada masa kini, pengenaan Cukai Pelancongan yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan melalui premis-premis penginapan pelancongan di Malaysia adalah bagi pelancong asing sahaja iaitu RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Sahaja) di mana 50 peratus daripada hasil kutipan cukai ini akan diserahkan secara terus kepada pihak Kerajaan Negeri pada tahun berikutnya.

- 2.4 Perkongsian hasil ini telah dilaksanakan sejak 1 September 2017 namun ditangguhkan semasa tempoh pandemik Covid-19 bermula pada 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2022 dan telah dilaksanakan semula mulai 1 Januari 2023. Merujuk Laporan Terimaan Pemberian Cukai Pelancongan mulai tahun 2019 hingga 2025, Kerajaan Negeri Selangor telah menerima agihan hasil kutipan cukai pelancongan tersebut sebanyak RM33.98 juta daripada Kerajaan Persekutuan.
- 2.5 Enam negeri iaitu Melaka, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Kedah (Langkawi sahaja) dan Negeri Sembilan telah mengenakan fi khusus kepada penginap premis penginapan pelancongan di Negeri masing-masing bagi menyokong pembangunan pelancongan lestari.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Objektif utama pengenalan Fi Kelestarian di Negeri Selangor adalah bertujuan seperti berikut:
- (i) Usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil menggunakan semua potensi yang ada termasuklah sumber hasil kutipan Fi Kelestarian;
 - (ii) Meningkatkan imej Negeri Selangor sebagai destinasi pelancongan yang lestari dan mampan selari dengan Dasar Pelancongan Negara 2020 – 2030;

- (iii) Menampung kos pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur berkaitan pelancongan bagi meningkatkan kualiti pengalaman kepada pelancong yang berkunjung ke Negeri Selangor;
- (iv) Membiayai inisiatif yang bertujuan menjaga keindahan alam seperti pemuliharaan kawasan semula jadi dan perlindungan biodiversiti; DAN
- (v) Menjamin kelangsungan dan kelestarian industri pelancongan di Negeri Selangor dalam jangka masa panjang.

4.0 KONSEP DAN PRINSIP

- 4.1 Pengenaan Fi Kelestarian di Negeri Selangor akan mengguna pakai konsep dan prinsip yang mana kutipan Fi Kelestarian dikenakan semasa pengunjung mendaftar masuk (*check-in*) ke premis penginapan pada kadar semalaman mengikut kategori premis penginapan kepada pengunjung tempatan dan antarabangsa di Negeri Selangor.
- 4.2 Jumlah kutipan tersebut hendaklah didepositkan oleh pengusaha premis penginapan ke Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut kawasan pentadbiran.

- 4.3 Selanjutnya, PBT hendaklah menyerahkan kutipan terkumpul tersebut mengikut pembahagian (25% - PBT dan 75% - Kerajaan Negeri) ke Akaun Amanah Fi Kelestarian Kerajaan Negeri Selangor.
- 4.4 Melalui pengenaaan Fi Kelestarian ini, Kerajaan Negeri akan membantu PBT/ agensi berkaitan dalam pelaksanaan program/ aktiviti pelancongan dan membantu pengusaha premis penginapan dalam pengiklanan promosi bagi menarik pelancong tempatan dan antarabangsa ke Negeri Selangor secara tidak langsung memberikan pengalaman percutian yang terbaik kepada pengunjung premis penginapan dengan *value of money* yang dibelanjakan.
- 4.5 Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang dikenakan kepada pengunjung premis adalah tidak termasuk dalam nilai kutipan Fi Kelestarian ini. Walau bagaimanapun, kutipan Fi Kelestarian ini tidak dikenakan SST.

5.0 PUNCA KUASA

- 5.1 Pengenaan Fi Kelestarian di Negeri Selangor dilaksanakan di bawah Undang-Undang Kecil Hotel (Pihak Berkuasa Tempatan Selangor) (Pindaan) 2025.
- 5.2 Melalui perundangan tersebut, PBT mempunyai kuasa untuk mensyaratkan pengenaaan Fi Kelestarian di semua premis penginapan di dalam kawasan pentadbirannya.

6.0 KAEDAH PENGENAAN FI KELESTARIAN

6.1 Kebenaran Pengenaan Fi Kelestarian di Negeri Selangor

6.1.1 Pengusaha premis penginapan **WAJIB** mengenakan Fi Kelestarian **mulai 1 Januari 2026** yang terdiri daripada semua premis penginapan sedia ada dan premis penginapan baharu mengikut kategori seperti berikut:

- (i) Hotel 4 dan 5 bintang;
- (ii) Hotel 1 hingga 3 bintang;
- (iii) Hotel Bajet;
- (iv) Hotel (Tiada Penggredan);
- (v) Tapak Perkhemahan;
- (vi) Kenderaan bagi tujuan penginapan;
- (vii) Asrama; DAN
- (viii) Inap desa / Tempat penginapan yang berdaftar di bawah apa-apa program anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).


- 6.1.2 Pengenaan Fi Kelestarian hendaklah menjadi salah satu daripada syarat Lesen PBT.
- 6.1.3 PBT perlu memastikan dan mewajibkan pengusaha premis penginapan melaksanakan pendaftaran penggredan hotel dengan pihak MOTAC.
- 6.1.4 Premis penginapan yang **layak menerima sijil** penggredan MOTAC **akan tetapi telah tamat tempoh sah laku sijil** atau sedang **dalam proses penggredan MOTAC**, premis tersebut akan dikelaskan di bawah kategori **Hotel (Tiada Penggredan)**.
- 6.1.5 Namun begitu, merujuk persetujuan bersama YB EXCO, SPBT – Subseksyen Pelancongan dan pihak MOTAC Selangor pada 18 Jun 2026, **bersetuju** supaya mana-mana premis penginapan yang **tidak layak menerima sijil penggredan MOTAC** memerlukan **pengesahan/ semakan pihak PBT** di lapangan untuk dikelaskan mengikut kategori. Perincian seperti jadual berikut:

Kod Kategori Premis Penginapan		Penerangan	Pendaftaran penggredan MOTAC	Sijil Penggredan MOTAC	Tindakan pengesahan/semakan
A	Hotel 4 dan 5 bintang	Hotel mewah dan eksklusif	Wajib	Layak	MOTAC
B	Hotel 1 hingga 3 bintang	Hotel kelengkapan asas	Wajib	Layak	MOTAC
C	Hotel Bajet	Hotel Orkid	Wajib	Layak	MOTAC
D	Hotel (Tiada Penggredan)	Hotel baru atau Sijil MOTAC tamat tempoh	Wajib	Layak	MOTAC
E	Tapak Perkhemahan	<i>Campsite, Glamping, Kabin, Kontena</i>	Wajib	Tidak Layak	PBT
F	Kenderaan bagi tujuan penginapan	<i>Camper van, Motor home, Camper Truck, Karavan</i>	Wajib	Tidak Layak	PBT
G	Asrama	<i>Hostel, Dorm, Team Building</i>	Wajib	Tidak Layak	PBT
H	Inap desa	<i>Homestay</i>	Wajib	Tidak Layak	PBT
	Tempat penginapan yang berdaftar di bawah apa-apa program anjuran MOTAC	<i>Kampung stay</i>	Wajib	Layak	MOTAC

- 6.1.6 Setiap premis penginapan akan diberikan **Sijil Perakuan Kebenaran Kutipan Fi Kelestarian Di Negeri Selangor di Lampiran A** adalah **KEKAL SAH** selagi Lesen PBT masih berkuatkuasa untuk digunakan sebagai rujukan semasa urusan melibatkan pengenaan Fi Kelestarian Negeri Selangor serta bagi memastikan Fi Kelestarian dikutip secara sah mengikut kadar yang telah ditetapkan serta mengelakkan berlaku ketirisan hasil.
- 6.1.7 **Sijil Perakuan Kebenaran Kutipan Fi Kelestarian Di Negeri Selangor** adalah **EKSCLUSIF** kepada satu-satu premis penginapan sahaja dan **TIDAK BOLEH DIPINDAH MILIK** kepada mana-mana pengusaha premis penginapan yang lain dan **WAJIB** dipamerkan dengan jelas dan mudah dilihat oleh semua pengunjung premis penginapan sebagai bukti kebenaran mengutip Fi Kelestarian di Negeri Selangor.
- 6.1.8 Sijil Perakuan Kebenaran Kutipan Fi Kelestarian Di Negeri Selangor yang dikeluarkan oleh PBT hendaklah ditandatangani oleh Datuk Bandar / Timbalan Datuk Bandar / Yang Dipertua / Timbalan Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani sijil tersebut.

6.1.9 PBT hendaklah memastikan pengusaha premis penginapan menjelaskan tunggakan kutipan Fi Kelestarian sebelum memperbaharui Lesen PBT.

6.1.10 Panduan menetapkan **No. Siri Sijil Perakuan Kebenaran Kutipan Fi Kelestarian Di Negeri Selangor** adalah seperti berikut:



Kod Kategori Premis Penginapan	
A	Hotel 4 dan 5 bintang
B	Hotel 1 hingga 3 bintang
C	Hotel Bajet
D	Hotel (Tiada Penggredan)
E	Tapak Perkhemahan
F	Kenderaan bagi tujuan penginapan
G	Asrama
H	Inap desa / Tempat penginapan yang berdaftar di bawah apa-apa program anjuran MOTAC

6.1.11 **No. Siri Sijil Perakuan Kebenaran Kutipan Fi Kelestarian Di Negeri Selangor** akan digunapakai bagi rekod data bilangan premis penginapan mengikut kategori di PBT (sekiranya diperlukan) dan rujukan semasa pemantauan dan penguatkuasaan (contoh : status Lesen PBT).

6.2 Kaedah Pengenaan Fi Kelestarian di Negeri Selangor

6.2.1 Setiap premis penginapan yang berdaftar dengan PBT dan mempunyai **Sijil Perakuan Kebenaran Kutipan Fi Kelestarian Di Negeri Selangor di Lampiran A** yang mana dikehendaki mengenakan Fi Kelestarian pada kadar semalaman bagi semua kategori premis penginapan kepada pengunjung tempatan dan antarabangsa di Negeri Selangor seperti berikut:

- (i) Hotel 4 dan 5 bintang: RM7.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Sahaja) per bilik per malam sepanjang tempoh penginapan;
- (ii) Hotel 1 hingga 3 bintang: RM5.00 (Ringgit Malaysia: Lima Sahaja) per bilik per malam sepanjang tempoh penginapan;
- (iii) Hotel Bajet: RM2.00 (Ringgit Malaysia: Dua Sahaja) per bilik per malam sepanjang tempoh penginapan;

- (iv) Hotel (Tiada Penggredan): RM5.00 (Ringgit Malaysia: Lima Sahaja) per bilik per malam sepanjang tempoh penginapan;
- (v) Tapak Perkhemahan: RM3.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Sahaja) per bilik per malam sepanjang tempoh penginapan;
- (vi) Kenderaan bagi tujuan penginapan: RM3.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Sahaja) per bilik per malam sepanjang tempoh penginapan;
- (vii) Asrama: RM2.00 (Ringgit Malaysia: Dua Sahaja) per bilik per malam sepanjang tempoh penginapan; DAN
- (viii) Inap desa / Tempat penginapan yang berdaftar di bawah apa-apa program anjuran MOTAC: RM3.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Sahaja) per bilik per malam sepanjang tempoh penginapan.

6.2.2 Bagi tempahan bilik yang dibuat di kaunter premis penginapan (secara *walk-in*), pengusaha premis penginapan perlu menyatakan kenaaan Fi Kelestarian di dalam resit tempahan bilik dan menyerahkan resit tersebut kepada pengunjung premis penginapan.

- 6.2.3 Manakala tempahan bilik yang dibuat secara atas talian (*online payment*), pembayaran Fi Kelestarian hendaklah dibuat di kaunter premis penginapan ke akaun pengusaha premis penginapan dan pengusaha premis penginapan perlu mengeluarkan resit bayaran Fi Kelestarian secara berasingan.
- 6.2.4 Pengusaha premis penginapan perlu menyimpan resit bayaran Fi Kelestarian untuk tujuan rekod.

6.3 Kaedah Penyerahan Kutipan Fi Kelestarian di Negeri Selangor

- 6.3.1 Kutipan Fi Kelestarian tersebut hendaklah didepositkan oleh pengusaha premis penginapan ke PBT melalui Kumpulan Wang PBT mengikut kawasan pentadbiran **selewat-lewatnya pada 10 hari bulan pada bulan berikutnya** berserta **Laporan Penyata Kutipan Fi Kelestarian Negeri Selangor (Bulanan) di Lampiran B dan Laporan Transaksi Penggunaan Bilik (Harian) di Lampiran C** berserta dokumen sokongan lain.
- 6.3.2 Kutipan Fi Kelestarian boleh didepositkan kepada PBT secara Tunai/ Kad Kredit/ Kad Debit/ Bank Draf/ transaksi atas talian (*online payment*) atau apa-apa kaedah bayaran yang diperakukan oleh PBT masing-masing.

- 6.3.3 Resit kutipan akan dikeluarkan oleh PBT kepada pengusaha premis penginapan sebagai bukti terimaan kutipan Fi Kelestarian.
- 6.3.4 Selanjutnya, bagi mana-mana pengusaha premis penginapan yang mempunyai lebih dari satu cawangan premis penginapan, sama ada dalam kawasan PBT yang sama atau berbeza, kutipan Fi Kelestarian hendaklah didepositkan secara berasingan bagi setiap premis penginapan tersebut mengikut kawasan pentadbiran PBT berkenaan.
- 6.3.5 Bayaran caj lewat akan dikenakan ke atas kegagalan pengusaha premis penginapan mendepositkan kutipan Fi Kelestarian kepada PBT dalam tempoh yang ditetapkan **(selewat-lewatnya pada 10 hari bulan pada bulan berikutnya)**, kadar caj lewat adalah seperti berikut:
- (i) Kadar satu ratus ringgit (RM100.00) hendaklah dikenakan bagi kelewatan yang pertama (bulan semasa); DAN
 - (ii) Kadar lima puluh ringgit (RM50.00) dikenakan bagi tiap tiap bulan berikutnya.

Contoh :

Kutipan Fi Kelestarian bulan Januari 2026 perlu didepositkan selewat-lewatnya pada 10 Februari 2026, tetapi pengusaha gagal mendepositkan kutipan tersebut dan berjaya mendepositkan kutipan pada bulan April 2026.

Kiraan :

Caj lewat bulan pertama (11-28 Februari) – RM100.00,
Caj lewat bulan kedua (1-31 Mac) – RM50.00,
Caj lewat bulan ketiga (April) – RM50.00,

Jumlah keseluruhan caj lewat bagi kutipan Fi Kelestarian bulan Januari 2026 : RM200.00

- 6.3.6 Caj lewat adalah **hasil PBT sepenuhnya** dan tiada pembahagian hasil bersama pihak lain seperti Kerajaan Negeri Selangor.
- 6.3.7 Selanjutnya, PBT akan menyerahkan 75% daripada kutipan Fi Kelestarian terkumpul kepada Kerajaan Negeri **setiap 3 bulan sekali** ke dalam Akaun Amanah Fi Kelestarian Kerajaan Negeri Selangor berserta –

- (i) Surat rasmi PBT berkaitan serahan kutipan Fi Kelestarian;
- (ii) Laporan Penyata Kutipan Fi Kelestarian Negeri Selangor (Bulanan) di **Lampiran B**;
- (iii) Laporan Transaksi Penggunaan Bilik (Harian) di **Lampiran C**; DAN
- (iv) Dokumen sokongan lain.

6.3.8 Dokumen-dokumen tersebut perlu disemak dan disahkan oleh PBT masing-masing serta diserahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor mengikut ketetapan seperti berikut:

Bil.	Tempoh Kutipan Fi Kelestarian	Tarikh Penyerahan Kutipan Fi Kelestarian
1.	Januari – Mac	Serah selewat-lewatnya pada 15hb April
2.	April – Jun	Serah selewat-lewatnya pada 15hb Julai
3.	Julai – September	Serah selewat-lewatnya pada 15hb Oktober
4.	Oktober – Disember	Serah selewat-lewatnya pada 15hb Januari

- 6.3.9 Penyerahan kutipan Fi Kelestarian oleh PBT kepada Kerajaan Negeri Selangor hendaklah secara atas talian (*online payment*) melalui akaun Bendahari Negeri Selangor seperti butiran berikut:

Nama Akaun : Bendahari Negeri Selangor
No. Akaun : 8603252659
Nama Bank : CIMB Islamic Bank Berhad
E-mel notifikasi ke : G_PWNDana@Selangor.gov.my
Perihal : 020300 – KELESTARIAN
Perihal lain : (PBT) (BULAN))(TAHUN)
Contoh Perihal : KELESTARIAN (MBPJ) (MAC) (2025)

- 6.3.10 Resit akan dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) sebagai bukti terimaan serahan kutipan Fi Kelestarian daripada PBT sepertimana **Carta Alir Pengenaan Fi Kelestarian Negeri Selangor di Lampiran D**, ringkasan adalah seperti berikut:

Bil.	Kutipan Fi Kelestarian	Tarikh
1.	Daripada pengusaha premis penginapan kepada PBT	Mendepositkan kepada PBT setiap bulan (selewat-lewatnya pada 10hb bulan berikutnya)
2.	Daripada PBT kepada Kerajaan Negeri	Menyerahkan kepada Kerajaan Negeri setiap 3 bulan sekali (selewat-lewatnya pada 15hb)

6.3.11 Selanjutnya, PNS akan **menjurnalkan** sebahagian daripada jumlah keseluruhan penyerahan kutipan Fi Kelestarian daripada PBT kepada Kerajaan Negeri Selangor sebagai hasil Kerajaan Negeri Selangor **mulai 1 Januari 2026** seperti butiran berikut:

Kod Hasil : H0170000 - HASIL BUKAN CUKAI
Seksyen Kod Hasil : H0171900 - PELBAGAI BAYARAN
Sub-seksyen Kod Hasil : H0171918 - FI KELESTARIAN

6.3.12 Ringkasan tujuan pembahagian kutipan Fi Kelestarian tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Pembahagian	Tujuan
1.	50% Kerajaan Negeri	Menampung kos pembangunan dan pengurusan negeri
2.	25% Tabung Amanah Fi Kelestarian	Melaksanakan program/aktiviti pembangunan dan pelancongan
3.	25% Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Menampung kos pengurusan kutipan Fi Kelestarian dan penguatkuasaan di PBT

6.4 Pemantauan dan penguatkuasaan

- 6.4.1 PBT diberi kuasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan termasuk akses secara berkala atau mengejut ke atas premis penginapan dengan melibatkan jabatan/ agensi lain berkaitan bagi pelaksanaan pemantauan dan penguatkuasaan bersepadu (sekiranya perlu).
- 6.4.2 PBT juga perlu mengeluarkan notis peringatan sekiranya pengusaha premis penginapan telah melakukan pelanggaran syarat Lesen PBT atau melakukan mana-mana kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Hotel PBT dan menawarkan kompaun sehingga maksimum RM1,000.00 bagi kesalahan tersebut.
- 6.4.3 Kompaun adalah **hasil PBT sepenuhnya** dan tiada pembahagian hasil bersama pihak lain seperti Kerajaan Negeri Selangor.

7.0 PENUTUP

Garis Panduan Pengenaan Fi Kelestarian Negeri Selangor (PBT) diwujudkan dan dikuatkuasakan oleh PBT sebagai asas panduan serta rujukan bagi pematuhan kepada semua premis penginapan yang terlibat dengan pengenaan Fi Kelestarian. Kerajaan Negeri Selangor berhak meminda atau menambah baik Garis Panduan ini dari semasa ke semasa.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan Pengenaan Fi Kelestarian Negeri Selangor (Pihak Berkuasa Tempatan) ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2026**.

Perbendaharaan Negeri Selangor

24 Jun 2026

9.0 INDEKS

DOSM	- <i>Department of Statistics Malaysia /</i> Jabatan Perangkaan Malaysia
MMKN	- Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
MOTAC	- <i>Ministry of Tourism, Arts and Culture /</i> Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
PBT	- Pihak Berkuasa Tempatan
PNS	- Perbendaharaan Negeri Selangor
SST	- <i>Sales and Service Tax /</i> Cukai Jualan dan Perkhidmatan

10.0 LAMPIRAN

Lampiran A	- Sijil Perakuan Kebenaran Kutipan Fi Kelestarian Di Negeri Selangor
Lampiran B	- Laporan Penyata Kutipan Fi Kelestarian Negeri Selangor (Bulanan)
Lampiran C	- Laporan Transaksi Penggunaan Bilik (Harian)
Lampiran D	- Carta Alir Pengenaan Fi Kelestarian Negeri Selangor